

**JARINGAN SOSIAL DAN MOBILITI PEKERJAAN DALAM
KALANGAN WANITA INDONESIA: KAJIAN KES DI PULAU PINANG**

Oleh

ZURINA BINTI MOHD RADZI

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya tesis ini dapat dihasilkan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat Dr. Fatan Hamamah bt Yahaya, selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Razha b. Abd. Rashid selaku penyelia bersama kerana tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, memberi cadangan, kritikan dan pandangan yang tidak ternilai sepanjang penghasilan tesis ini. Segala pandangan dan panduan yang diberikan telah mendorong penulis untuk terus berusaha menyempurnakan penulisan ini.

Tesis ini juga tidak dapat disempurnakan tanpa bantuan daripada Dr.Siti Nor Awang, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaysia. Ribuan terima kasih ditujukan kepada Puan Roslinda, Pegawai Tinggi Imigresen, Bahagian Penguatkuasaan dan En. Khairul Nizam, Ketua Bahagian Visa dan Pas Lawatan, Jabatan Imigresen, Seberang Jaya, Pulau Pinang atas pandangan, maklumat dan penjelasan mengenai peraturan imigresen.

Ucapan setinggi penghargaan ditujukan buat Mustafa Davies di atas bantuan kewangan dan dorongan sepanjang kajian dan penulisan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Anita, Ani, Bahiyah, Ann dan Chomey yang sentiasa bersemangat untuk mengikut serta dalam kerja lapangan. Penghargaan juga ditujukan kepada Claire Davies dan Sandra Yeo yang membantu mendapatkan bahan-bahan ilmiah. Terima kasih juga diucapkan kepada Martin dan Sally di atas sokongan yang diberikan. Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan – Aiza, Siti, Rahila dan Nen-da yang sentiasa memberi sokongan dan semangat untuk meneruskan perjuangan. Setinggi-tinggi penghargaan diutuskan kepada semua informan yang terlibat. Kesanggupan kalian meluang masa dan berkongsi pengalaman memberi makna dalam penghasilan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan istimewa buat abah dan mama di atas doa dan restu serta dorongan yang sentiasa menjadi sumber inspirasi di sepanjang perjalanan ini. Buat Nabilah, Zayd dan Sufyan, ucapan terima kasih tidak terhingga di atas kesabaran dan sokongan kalian.

Zurina binti Mohd Radzi

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Plet	x
Senarai Peta.....	xi
Senarai Singkatan.....	xii
Abstrak	xiii
<i>Abstract</i>	xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang kajian	3
1.1.1	Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara.....	4
1.1.2	Pertumbuhan guna tenaga dan kekurangan tenaga kerja.....	7
1.1.3	Penglibatan wanita tempatan dalam ekonomi	9
1.1.4	Keperluan tenaga kerja asing.....	12
1.1.5	Tenaga kerja asing dan sektor ekonomi	15
1.2	Pernyataan masalah	25
1.3	Tujuan kajian	31
1.4	Objektif kajian	33
1.5	Persoalan kajian	34
1.6	Definisi operasional kajian	35
1.6.1	Migran	35
1.6.2	Sektor tidak formal	37
1.6.3	Jaringan sosial.....	41
1.6.4	Mobiliti pekerjaan.....	44
1.7	Skop dan batas kajian	46
1.8	Lokasi kajian	48
1.9	Metodologi kajian.....	56
1.9.1	Temu bual mendalam	60
1.9.2	Kaedah pemerhatian	62

1.9.3	Pemilihan informan	64
1.9.4	Pengumpulan data sekunder	66
1.9.5	Kajian perpustakaan	67
1.10	Masalah dan batas kajian.....	67
1.11	Kepentingan kajian.....	70
1.12	Sumbangan kajian	71
1.13	Organisasi tesis.....	72

BAB 2 : SOROTAN KARYA: WANITA, EKONOMI DAN MIGRASI

2.0	Pengenalan.....	75
2.1	Wanita dan ekonomi.....	76
2.2	Penglibatan wanita dalam ekonomi.....	81
2.3	Wanita dan penghijrahan	83
2.3.1	Mobiliti luar bandar ke bandar	91
2.3.2	Penghijrahan antarabangsa	93
2.4	Wanita migran dan pekerjaan.....	102
2.4.1	Sektor pembantu rumah.....	105
2.4.2	Pekerja industri	107
2.4.3	Pekerja seks dan penghibur	110
2.4.4	Perniagaan dan penjajaan	114
2.5	Penghijrahan wanita Indonesia ke Malaysia	118
2.5.1	Sejarah kedatangan	119
2.5.2	Kedatangan pasca merdeka	126
2.6	Penglibatan wanita Indonesia dalam kegiatan ekonomi.....	132
2.7	Kategori wanita migran di Malaysia	138
2.7.1	Wanita Indonesia sebagai pekerja asing.....	139
2.7.2	Isteri kepada warganegara Malaysia.....	141
2.7.3	Isteri kepada pemegang status penduduk tetap.....	142
2.7.4	Pelajar	144
2.7.5	Pendatang tanpa izin (PATI)	144
2.8	Rumusan	145

BAB 3 : PENDEKATAN TEORI: TEORI JARINGAN SOSIAL DAN TEORI MODAL SOSIAL

3.0	Pengenalan.....	147
3.1	Jaringan sosial dan modal sosial dalam Sains Sosial	147
3.2	Jaringan sosial dalam pendekatan migrasi	149
3.3	Migrasi dan ekonomi.....	154
3.4	Teori Modal Sosial	156
3.5	Teori Jaringan Sosial	168
3.6	Jaringan sosial dan pekerjaan	174
3.6.1	Jaringan personal	177
3.7	Orientasi teori dalam kajian.....	182
3.8	Rumusan.....	184

BAB 4 : PROFIL WANITA INDONESIA, POLA PENGHIJRAHAN DAN PEKERJAAN

4.0	Pengenalan.....	185
4.1	Fasa perkembangan aktiviti ekonomi informan	185
4.2	Profil informan	187
4.2.1	Umur.....	191
4.2.2	Status perkahwinan.....	192
4.2.3	Tingkat pendidikan	196
4.3	Daerah asal	200
4.4	Pola kedatangan.....	201
4.4.1	Pola kedatangan dekad 1980-an	202
4.4.2	Pola kedatangan dekad 1990-an	203
4.4.3	Pola kedatangan selepas tahun 2000	204
4.5	Destinasi ketibaan.....	210
4.6	Kaedah kemasukan	210
4.7	Pekerjaan sebelum penghijrahan	211
4.7.1	Sektor formal	212
4.7.2	Sektor tidak formal	213
4.8	Pekerjaan pertama di Pulau Pinang dan Malaysia.....	217
4.9	Motivasi penghijrahan	219
4.9.1	Peranan rakan	221

4.9.2	Peranan ejen.....	223
4.10	Pengalaman pekerjaan pertama	225
4.10.1	Pekerja industri	225
4.10.2	Pembantu rumah	227
4.10.3	Pekerjaan lain	228
4.11	Rumusan	229

BAB 5 : JARINGAN SOSIAL DAN PEMBENTUKAN NIC EKONOMI

5.0	Pengenalan.....	232
5.1	Perkembangan aktiviti ekonomi Fasa 2.....	233
5.2	Mobiliti pekerjaan informan dari sektor perkilangan.....	234
5.2.1	Kajian kes 1: Informan R22, Ahli perniagaan	239
5.2.2	Kajian kes 2 : Informan R10, Peniaga dan pengusaha kedai makan	246
5.2.3	Kajian kes 3: Informan R6, Agen jualan langsung, peniaga dan tukang urut ..	257
5.2.4	Kajian kes 4 : Informan R2, Pembantu pengurus kedai dobi	274
5.2.5	Kajian kes 5 : Informan R3, Tukang urut	280
5.2.6	Kajian kes 6 : Informan R1, Tukang urut	287
5.2.7	Kajian kes 7: Informan R11, Pengusaha kedai makan	294
5.3	Mobiliti pekerjaan wanita Indonesia dari sektor pembantu rumah.	298
5.3.1	Kajian kes 8 : Informan R20, Pembantu kedai	300
5.4	Mobiliti pekerjaan dari pekerjaan lain.....	303
5.4.1	Kajian kes 9: Informan R13, Tukang urut dan agen jualan langsung	304
5.4.2	Kajian kes 10: Informan R19, Pelajar, tukang urut dan agen jualan	308
5.4.3	Kajian Kes 11: Informan R27, Tukang urut dan ajen jualan langsung	316
5.5	Mobiliti pekerjaan dan jaringan sosial	320
5.5.1	Elemen perkahwinan	321
5.5.2	Elemen persahabatan	327
5.6	Rumusan	330

BAB 6 : STRATEGI KELANGSUNGAN AKTIVITI EKONOMI

6.0	Pengenalan.....	332
6.1	Strategi aktiviti ekonomi	332
6.2	Peranan agensi tidak formal	333
6.2.1	Penduduk tempatan.....	334
6.2.2	Rakan	337
6.2.3	Keluarga.....	343
6.2.4	Perkahwinan	346
6.3	Tidak memilih pekerjaan	348
6.4	Peningkatan tingkat kemahiran	352
6.5	Memanipulasi peraturan imigresen	356
6.6	Pembentukan nic ekonomi	361
6.7	Rumusan	365

BAB 7 : KESIMPULAN

7.0	Hasil penemuan utama	367
7.1	Kajian masa hadapan.....	385
7.2	Cadangan kajian	381
7.3	Kesimpulan.....	390

RUJUKAN.....	391
--------------	-----

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Bilangan pekerja asing mengikut sektor, 2000-2008	16
Jadual 1.2	Statistik Bulanan PL(KS) mengikut warganegara dan sektor daripada 1hb April 2006 sehingga 31 Julai 2008 seluruh Malaysia	17
Jadual 1.3	Perbandingan sektor tidak formal dan sektor formal	39
Jadual 1.4	Peratus jumlah tenaga kerja mengikut sektor	50
Jadual 1.5	Anggaran jumlah penduduk mengikut daerah	55
Jadual 2.1	Kadar bayaran levi pekerja asing mengikut sektor	140
Jadual 2.2	Jenis kesalahan imigresen melibatkan pekerja asing	145
Jadual 4.1	Profil informan	184
Jadual 4.2	Tingkat pendidikan informan di Indonesia	197

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Pembahagian sektor perkhidmatan	21
Rajah 1.2	Anggaran populasi di Pulau Pinang mengikut pecahan etnik 2010	54
Rajah 1.3	Perhubungan pengkaji dan informan	66
Rajah 4.1	Fasa mobiliti pekerjaan informan	186
Rajah 5.1	Bentuk Jaringan Sosial Dalam Fasa Satu (Pekerjaan Pertama)	234
Rajah 5.2	Mobiliti pekerjaan informan R2	245
Rajah 5.3	Perkembangan aktiviti ekonomi informan R10	256
Rajah 5.4	Mobiliti pekerjaan informan R6	273
Rajah 5.5	Mobiliti pekerjaan informan R2	279
Rajah 5.6	Mobiliti pekerjaan informan R3	286
Rajah 5.7	Strategi informan R1 dalam aktiviti mengurus	292
Rajah 5.8	Perkembangan ruang perniagaan R11	298
Rajah 5.9	Mobiliti pekerjaan R20	303
Rajah 5.10	Mobiliti pekerjaan informan R13	307
Rajah 5.11	Mobiliti pekerjaan informan R19	315
Rajah 5.12	Corak perkahwinan informan	325

SENARAI PLET

		Halaman
Plet 1	Informan di dalam kedai pakaian dan aksesori	257
Plet 2	Informan bersama anak-anak di kedai	257
Plet 3	Informan membuat jamu air untuk dijual	273
Plet 4	Promosi jualan langsung di Konsulat Indonesia	273
Plet 5	Informan membuka gerai jualan	274
Plet 6	Informan membuka pusat mengurus di rumah	287
Plet 7	Serai wangi ditanam di sekitar pangsapuri digunakan untuk rawatan	287
Plet 8	Informan bersama rakan Indonesia di kedai pakaian informan	303
Plet 9	Ruang untuk rawatan kecantikan yang diubah suai oleh R13	308
Plet 10	Sesi taklimat jualan langsung yang dihadiri agen-agen jualan warga Indonesia	308

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1 – Lokasi kajian	49

SENARAI SINGKATAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
GAM	Gabungan Aceh Merdeka
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
MLM	Multi Level Marketing
PADI	Pendatang Asing Dengan Izin
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PL(KS)	Pas Lawatan Kerja Sementara
RELA	Ikatan Relawan Rakyat
TKWI	Tenaga Kerja Wanita Indonesia
TKI	Tenaga Kerja Indonesia
6P	Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin – Melibatkan Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran

JARINGAN SOSIAL DAN MOBILITI PEKERJAAN DALAM KALANGAN WANITA
INDONESIA: KAJIAN KES DI PULAU PINANG

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk jaringan sosial yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi wanita Indonesia dalam sektor ekonomi tidak formal di Pulau Pinang. Inti pati jaringan sosial adalah mengenai perhubungan dalam agensi sosial yang melibatkan peranan individu dan agensi sosial lain. Modal sosial merupakan teras nilai dan norma serta kepercayaan dan sifat bekerjasama yang diolah kepada bentuk bantuan, sokongan moral, jaminan keselamatan, sumber informasi dan sebagainya. Bersandarkan kepada pendekatan jaringan sosial dan modal sosial, tesis ini menjelaskan kelangsungan aktiviti ekonomi berkait rapat dengan bentuk jaringan sosial yang dimiliki. Kepentingan peranan ekonomi dalam kehidupan migran tetap diambil kira, namun tesis ini membangkitkan faktor-faktor sosial dalam kegiatan ekonomi migran. Selaras dengan perspektif sosial, tiga objektif utama kajian ialah untuk mengenal pasti bentuk jaringan sosial yang membantu wanita Indonesia mendapatkan pekerjaan; objektif kedua adalah untuk mengenal pasti strategi-strategi yang dilakukan oleh wanita Indonesia dalam proses kelangsungan aktiviti ekonomi dan yang terakhir adalah untuk meneliti peranan rangkaian jaringan sosial dalam pembentukan niche ekonomi dalam kalangan wanita Indonesia. Kajian bersifat etnografi penerokaan ini mengaplikasikan kaedah temu bual intensif dan pemerhatian ikut serta yang dijalankan ke atas 30 informan yang bekerja di sektor tidak formal. Kriteria pemilihan informan berdasarkan *purposive sampling* dan kaedah *snow-ball*. Dalam kaedah ini, informan dipilih mengikut tempoh berada di Malaysia iaitu lebih daripada lima tahun dan pernah bertukar pekerjaan sekurang-kurangnya sekali. Pengumpulan data dijalankan pada bulan Ogos 2010 sehingga bulan Disember 2011.

Dapatan kajian menunjukkan mobiliti pekerjaan wanita Indonesia didorong oleh dua jaringan sosial penting iaitu persahabatan dan perkahwinan. Persahabatan yang terjalin dengan penduduk tempatan dan rakan Indonesia lain merupakan elemen penting bagi kesinambungan dan perluasan aktiviti pekerjaan wanita Indonesia. Perkahwinan sama ada dengan penduduk tempatan atau sesama migran memberi ruang baru kepada wanita Indonesia membina peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Kajian mendapati terdapat empat strategi yang membantu kelangsungan aktiviti ekonomi wanita Indonesia iaitu menjalin hubungan baik dengan agensi tidak formal lain, meningkatkan kemahiran diri, tidak memilih kerja dan memanipulasi peraturan imigresen. Melalui jaringan sosial, wanita Indonesia mampu memperolehi pelbagai pekerjaan dalam sektor tidak formal. Pembentukan nic ekonomi melalui persahabatan dan perkahwinan menyaksikan wanita Indonesia lebih mandiri dalam aktiviti ekonomi dan mampu membina perniagaan sendiri. Bagi tujuan kajian masa hadapan, kajian yang lebih terperinci berkaitan polisi dan dasar pekerja asing melibatkan migran wanita perlu dipertingkatkan sebagai satu usaha menyelesaikan kemelut ‘migran halal, pekerja haram’ di negara ini.

SOCIAL NETWORKING AND JOB MOBILITY AMONG INDONESIAN
WOMEN: A CASE STUDY IN PENANG

ABSTRACT

This thesis aims to identify the forms of social networking that contribute to the economic development of Indonesian women in the informal sectors in Penang. The essence of social networking is about relationship in social agencies that involves the role of individuals with others. Social capital refers to informal norms, value, trust and cooperation that promotes assistance, moral support, security, sources of information and more. Based on social networks and social capital approaches, this thesis aims to explain that the expansion of economic activities among the Indonesians is related to their social networks. Notwithstanding the importance of the economic factors in the lives of migrants, this thesis established that the economic enterprises of migrants is facilitated by social factors. In line with the social perspective, the three main objectives of the study are to identify the forms of social networks that assist Indonesian women to get jobs; second objective is to identify the strategies carried out by the Indonesian women in the process of expanding economic activity and the last objective is to examine the role of social networks in the formation of economic niches among the Indonesian women. The study is ethnographic exploration in nature and uses intensive interviewing and participant as observer methods carried out on 30 informants who work in the informal sectors. Informants were selected based on purposive sampling and snow-ball method. The informants' selection criteria were based on their presence in Malaysia longer than five years and changed jobs at least once. Data collection was carried out from August 2010 to December 2011. This study shows that job mobility of Indonesian women is driven by two important factors which are friendship and marriage. Friendship developed within the local community and Indonesian friends is an important element for the

continuation and expansion of job activities for Indonesian women. Marriage either with the locals or fellow migrants provides new opportunities for Indonesian women to create job prospects in Penang. This research found that there are four key strategies used to ensure continuity of economic activities which are, maximizing informal agency relationships, increasing their skills, being not too particular on jobs selecting and manipulating existing immigration rules. Through friendship and marriage networks, Indonesian women managed to form their own economy niche by setting up their own businesses and working independently. For future studies, further research regarding policies on migrants focusing mainly on female migrants are needed to solve the crisis of 'legal migrants-illegal workers' in this country.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini meneliti peranan jaringan sosial dan modal sosial dalam perkembangan ekonomi wanita Indonesia di Pulau Pinang. Secara lebih khusus, kajian bersifat penerokaan ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk jaringan sosial yang terlibat dalam membantu wanita Indonesia memperoleh peluang pekerjaan dan seterusnya meneliti proses mobiliti pekerjaan yang berlaku dalam kalangan mereka. Secara umumnya, pekerja asing wanita terlibat dalam tiga sektor pekerjaan utama iaitu dalam sektor pembantu rumah, sektor perindustrian dan sektor perkhidmatan. Namun demikian, sejak kebelakangan ini, wanita Indonesia tidak sahaja terlibat dalam sektor yang dibenarkan tetapi penglibatan mereka telah mula menonjol dalam sektor pekerjaan lain yang tidak disenaraikan dalam sektor pekerjaan yang dibenarkan di bawah dasar pengambilan pekerja asing. Sehubungan itu, kajian ini cuba meninjau proses mobiliti dan kelangsungan aktiviti ekonomi wanita Indonesia terutama dalam sektor yang tidak disenaraikan bersandarkan kepada pendekatan jaringan sosial dan modal sosial. Kajian bertujuan untuk meneliti kepentingan sistem jaringan sosial sebagai suatu strategi yang menyelaras dan membantu wanita Indonesia dalam proses mendapatkan peluang pekerjaan.

Dalam kehidupan migran, terdapat beberapa bentuk jaringan sosial yang memainkan peranan penting dalam membantu proses penghijrahan dan juga dalam membantu kelangsungan kegiatan ekonomi mereka di tempat baru. Keluarga, rakan,

penduduk setempat dan agensi pekerjaan adalah antara sistem jaringan sosial yang membantu migran dalam kehidupan mereka. Jaringan sosial bukan sahaja dapat menyalurkan maklumat pekerjaan, mengurangkan kos, mengurangkan risiko penghijrahan dan memaksimumkan pendapatan di tempat baru (Kaur 2004a; Massey et.al 1993; Arnold & Shah 1984) tetapi jaringan sosial juga dapat meningkatkan kemampuan dan keyakinan individu dengan turut memberi jaminan keselamatan, sokongan moral, emosi dan sosial. Menurut Asis (2001) penghijrahan yang berlaku sejak beberapa dekad lalu telah meluaskan jaringan sosial dalam kalangan migran terutama dalam kalangan migran wanita. Jaringan kekeluargaan merupakan salah satu jaringan sosial penting bagi migran wanita kerana mereka lebih banyak bergantung kepada jaringan ini bagi membantu mendapatkan pekerjaan. Wanita migran dikatakan mempunyai lebih banyak jaringan sosial berbanding dengan migran lelaki kerana wanita lebih giat melibatkan diri dalam pelbagai jaringan sosial berbanding lelaki (Asis 2001; Serafica 2000).

Kajian-kajian migrasi mendapati migran yang telah berjaya dalam ekonomi di tempat baru akan menyalurkan pelbagai maklumat pekerjaan, pendapatan dan suasana kehidupan balik ke tempat asal (Asis 2004; Nee & Sanders 2001; Kolopaking 1999). Informasi yang disalurkan bukan sahaja akan merangsangkan motivasi bakal migran tetapi juga akan menjadi suatu platform yang dapat melancarkan perkembangan aktiviti ekonomi migran di negara destinasi.

Tidak dapat dinafikan tuntutan ekonomi memainkan peranan penting dalam proses penghijrahan wanita dan juga salah satu faktor dalam mempengaruhi mereka untuk menetap kekal di negara destinasi tetapi peluang ekonomi sahaja tidak dapat

menjelaskan mobiliti pekerjaan dan perkembangan aktiviti ekonomi yang berlaku dalam kalangan migran wanita. Justeru, walaupun faktor ekonomi dilihat sebagai alasan dominan dalam migrasi (Todaro 1980) dan dalam kehidupan migran, faktor-faktor bukan ekonomi sebenarnya turut memainkan peranan penting dan menjadi faktor yang sangat signifikan dalam menjelaskan perkembangan aktiviti ekonomi migran (Sanders & Nee 1996). Hal ini jelas dalam perkembangan aktiviti ekonomi yang berlaku dalam kalangan migran. Walaupun terdapat sekatan, peraturan dan penguatkuasaan undang-undang namun melalui jaringan sosial, migran secara amnya masih dapat membolosi peraturan tersebut dan seterusnya menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi di negara destinasi.

Sebagai bab permulaan, tumpuan akan diberikan kepada perkembangan ekonomi Malaysia sebagai satu mekanisme penting yang membawa kepada kemasukan migran terutama golongan pekerja asing ke negara ini. Ini disusuli dengan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan metodologi. Bab ini juga membincangkan definisi operasi yang diguna pakai dalam kajian ini, diikuti dengan kepentingan dan sumbangan kajian. Akhir sekali dinyatakan tentang rangka susun atur tesis sebagai panduan kepada pengolahan tesis ini secara keseluruhannya.

1.1 Latar belakang kajian

Transformasi sosioekonomi negara Malaysia telah berjaya dicapai melalui program-program pembangunan berancang yang dilaksanakan sejak lebih daripada empat dekad. Dekad 1990-an menyaksikan kejayaan rancangan-rancangan ekonomi kerajaan sehingga menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara terbaik bagi negara-

negara membangun. Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi memberi impak positif dalam perubahan sektor pekerjaan, penglibatan wanita dalam ekonomi, tenaga kerja dan seterusnya kedatangan pekerja asing ke negara ini.

1.1.1 Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara

Malaysia merupakan salah sebuah negara di rantau Asia Tenggara yang menjadi kawasan pemusatan sosioekonomi dan kawasan sasaran tenaga kerja asing dari negara-negara jiran (Mohd. Na'eim Ajis et.al 2010; Resurreccion 2009; Jones 1985). Hal ini berkait rapat dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1970. Menurut Chamhuri Siwar (2002) strategi pembangunan pada tahun-tahun 1970-an adalah lebih terfokus kepada pembasmian kemiskinan dan pengagihan pendapatan yang dilaksanakan melalui strategi pembangunan berorientasikan guna tenaga, strategi pertumbuhan dan ekuiti serta strategi memenuhi keperluan asas.

Dalam usaha mencapai strategi tersebut, pelbagai program telah dilaksanakan di bawah DEB dan ini menjadikan DEB sebagai pemacu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. DEB seterusnya menjadi tunjang kepada perkembangan pesat semua sektor-sektor penting ekonomi seperti pembinaan, perindustrian, perladangan, pertanian dan juga perkhidmatan. Impak pelaksanaan DEB secara langsung ialah membawa kepada berlakunya transformasi struktur ekonomi daripada ekonomi berasaskan sektor pertanian kepada ekonomi moden, maju dan lebih kompleks iaitu sektor perindustrian. Lall (1995) menyatakan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan menjadikan Malaysia sebagai

salah sebuah negara yang paling baik dari segi pencapaian ekonominya dalam kalangan negara-negara membangun.

Puncak kejayaan DEB dan seterusnya pelaksanaan Rancangan-Rancangan Jangka Panjang Malaysia¹ adalah kejayaan Malaysia merubah status daripada kategori negara sedang membangun kepada Negara Industri Baru (Wilson 2001). Hasil daripada strategi-strategi pembangunan yang dilaksanakan, pelbagai peningkatan sosioekonomi berjaya dinikmati oleh semua lapisan penduduk. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa petunjuk penting. Antaranya ialah pertumbuhan yang dilihat sebagai prasyarat dan saluran utama ke arah mencapai peningkatan pendapatan penduduk, kemudahan asas yang sempurna, peningkatan pendidikan, kesihatan yang lebih baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan mengimbangi penyertaan penduduk dalam semua bidang tanpa mengira perbezaan etnik yang menjadi agenda utama DEB (Ghosh 1998).

Selain daripada kadar kemiskinan yang semakin berkurangan, pembangunan ekonomi turut menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi dalam kalangan penduduk². Petunjuk positif kejayaan pembangunan adalah pendapatan per kapita penduduk yang semakin meningkat. Laporan bank dunia pada tahun 1996 misalnya mencatatkan pendapatan purata Malaysia meningkat daripada US\$1,238

¹ Selepas DEB tamat pada tahun 1990, pihak kerajaan menyambung proses pengukuhan ekonomi melalui satu rancangan jangka panjang kedua iaitu Dasar Pembangunan Nasional bagi tempoh 1991-2000. Tujuan utama adalah untuk memperkukuhkan proses pencapaian pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat yang dilihat kurang berjaya dalam rangka DEB. Seterusnya rancangan jangka panjang ketiga yang dilaksanakan ialah Dasar Wawasan Negara bagi tempoh 2001-2010 (Chamhuri Siwar et.al. 2005).

² Menurut Habibah Lehar (2008), secara ringkasnya pembangunan ekonomi adalah mengenai peningkatan cara hidup masyarakat dengan melibatkan persamaan dalam sosial dan ekonomi, peningkatan dalam pengeluaran, peluang pekerjaan dan pendidikan, peningkatan pengetahuan moden dan lain- lain.

pada tahun 1980 kepada US\$2,250 pada tahun 1994 (Chan & Abdullah 1999). Menurut Ghosh (1997), pendapatan bagi semua kategori pekerja telah meningkat iaitu dalam tempoh 1970 sehingga 1990, pendapatan golongan profesional meningkat dua kali ganda, pekerja teknikal meningkat tiga kali ganda, pekerja semi-skil meningkat hampir enam kali ganda dan pendapatan pekerja tidak mahir juga meningkat enam kali ganda. Dengan itu, Malaysia bukan lagi sebuah negara berpendapatan rendah tetapi berada dalam kalangan negara berpendapatan pertengahan (Mahadevan 2007; Chan & Abdullah 1999). Berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, Malaysia menduduki tangga ke dua selepas Singapura dari segi pendapatan, diikuti Thailand, Indonesia dan Filipina (Ghosh 1998). Pada tahun 1994 misalnya, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang paling pesat pertumbuhan ekonomi dalam kalangan negara-negara ASEAN (Habibah Lehar 2008).

Perbezaan-perbezaan fiskal, kedudukan ekonomi, demografi dan iklim sosiopolitik yang berbeza menjadikan negara-negara di rantau Asia Tenggara berbeza dari segi pencapaian ekonomi. Ini melahirkan satu atau dua buah negara berfungsi sebagai negara penerima tenaga kerja asing dan negara-negara lain sebagai pengeksport tenaga kerja (Batitistella 2002; Stahl 1985) atau negara yang menerima dan mengeksport tenaga kerja pada masa yang sama seperti Malaysia (Abdul Rashid Abdul Aziz 2004). Kedudukan ekonomi yang mantap, perkembangan peluang pekerjaan serta keadaan politik yang stabil menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terbaik dari segi ekonomi berbanding dengan negara-negara jiran terdekat yang lain. Implikasinya, Malaysia menjadi sebuah negara destinasi dan tumpuan bagi tenaga kerja asing terutama yang berskil rendah.

Peralihan pekerjaan daripada sektor pertanian dan perladangan kepada pekerjaan sektor industri dan perkhidmatan secara berterusan menyebabkan peralihan guna tenaga kerja tempatan daripada sektor perladangan dan pertanian kepada sektor pembuatan, perindustrian dan perkhidmatan terus meningkat. Justeru, sejak 1970-an, negara mengalami perubahan dan mobiliti penduduk dari luar bandar ke bandar secara besar-besaran termasuk mobiliti tenaga kerja wanita (Nor Aini Hj. Idris 1996; Jamilah Ariffin 1992). Faktor mobiliti ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sektor-sektor perladangan dan pertanian mengalami krisis kekurangan tenaga kerja yang kritikal. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja ini, pihak majikan terpaksa mengambil tenaga kerja asing sebagai langkah segera dan murah untuk mengatasi kemelut kekurangan tenaga kerja tempatan (Karim et.al. 1999; Nayagam 1988; Navamukundan 1988). Justeru, kemelut kekurangan tenaga kerja bermula di sektor perladangan dan pertanian dan kedua-dua sektor ini merupakan sektor terawal yang dibuka kepada pekerja asing sebelum sektor-sektor lain turut berhadapan dengan tekanan dan masalah yang sama dan akhirnya terpaksa membuka peluang pekerjaan kepada tenaga kerja asing.

1.1.2 Pertumbuhan guna tenaga dan kekurangan tenaga kerja

Perubahan dan pembangunan ekonomi sememangnya meninggal impak yang besar terhadap perkembangan pertumbuhan tenaga kerja dan pembangunan negara³. Perubahan struktur ekonomi Malaysia dalam lebih empat dekad yang lalu

³ Menurut Moha Asri Abdullah (1997a) sepanjang tahun 1970-an sehingga tahun 1990-an purata pertumbuhan ekonomi mencatatkan sebanyak 6.7 peratus setahun. Sekitar tahun 1989 sehingga tahun 1994, ekonomi Malaysia berkembang dengan kadar 8.4 peratus setahun yang menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara perindustrian baru.

telah mempengaruhi pasaran buruh negara. Pertumbuhan ekonomi yang pesat telah diikuti dengan pertumbuhan guna tenaga yang jauh lebih pesat daripada pertumbuhan tenaga kerja⁴. Situasi ini mengakibatkan penurunan kadar pengangguran dengan cepat. Misalnya pada tahun 1986, kadar pengangguran di Malaysia adalah 8.3 peratus menurun kepada 2.8 peratus pada tahun 1995 (Osman-Rani Hassan 2000). Menurut Osman-Rani Hassan (2000), dalam tempoh 1980-1995, demografi penduduk Malaysia bertambah secara purata sebanyak 2.7 peratus, sedangkan kadar pertumbuhan tenaga kerja meningkat pada kadar 2.9 peratus setahun.

Walaupun penduduk Malaysia telah tumbuh secara berterusan setiap tahun sejak merdeka, namun bekalan tenaga buruh negara masih tidak dapat menampung keperluan pasaran buruh. Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang bertambah pesat sekaligus meningkatkan keperluan guna tenaga dalam pelbagai sektor. Lantaran itu, sejak awal 1990-an Malaysia telah mengalami situasi guna tenaga penuh⁵ dalam pasaran buruh. Dalam kedudukan tenaga kerja yang ketat dan diikuti dengan situasi pembangunan yang terus berkembang, negara tidak dapat lari daripada menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja dalam pelbagai sektor (Abdul Samad Hadi 2000; Yoshimura 1998; Mohd. Yusof Shahabuddin et.al 1993).

⁴ Fatimah Said (2003) menyatakan bahawa pemulihan ekonomi pada tahun 1987 telah memperlihatkan peningkatan ekonomi yang menggalakkan dan telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kadar pertumbuhan guna tenaga berbanding dengan pertumbuhan tenaga buruh serta mengurangkan kadar pengangguran ke tahap 5.1 peratus pada tahun 1990. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh awal tahun 1990-an guna tenaga berkembang dengan pesat iaitu pada kadar purata 3.6 peratus antara tahun 1990 dan 1996 berbanding dengan pertumbuhan purata tenaga kerja pada sekitar 2.9 peratus.

⁵ Fatimah Said (2003) menyatakan bahawa ahli-ahli ekonomi berpendapat bahawa kadar guna tenaga penuh wujud apabila kadar pengangguran sesebuah negara berada pada kadar 5 atau 6 peratus (2003:81). Fatimah Said (2003) seterusnya menyatakan bahawa sekitar tahun 1990-an, sebelum berlaku kegawatan ekonomi, keadaan pasaran buruh Malaysia adalah ketat dengan kadar pengangguran di bawah 5 peratus setahun dan situasi ini menunjukkan Malaysia berada pada tahap ekonomi guna tenaga penuh.

Kekurangan tenaga kerja yang kronik boleh menjejaskan pertumbuhan dan pembangunan negara. Bagi memastikan perkembangan ekonomi berterusan dan tidak terjejas akibat masalah kekurangan tenaga kerja serta pada masa yang sama memastikan dasar-dasar kerajaan yang menggalakkan pelaburan maka alternatif terbaik bagi mengimbangi keadaan ini ialah dengan menggalakkan kemasukan tenaga kerja asing. Resolusi ini melegakan majikan-majikan terutama di sektor perladangan dan pertanian kerana hasil-hasil ladang dan tani tidak boleh bertahan lama dan akan musnah sekiranya tidak dituai pada masa yang ditetapkan. Sehubungan ini, kemasukan pekerja asing bermula dengan pengambilan pekerja asing melalui saluran yang ditetapkan oleh kerajaan dan pada dekad 1980-an dan pada dekad seterusnya, pengambilan pekerja asing telah meluas kepada sektor-sektor lain seperti pembinaan, perindustrian dan pembantu rumah. Dalam konteks ini, permintaan tinggi terhadap tenaga kerja didapati tidak seimbang dengan pertumbuhan tenaga kerja tempatan merupakan faktor penting kepada kemasukan pekerja asing ke negara ini.

1.1.3 Penglibatan wanita tempatan dalam ekonomi

Kesan perkembangan dan pertumbuhan dalam ekonomi memberi impak yang sangat positif kepada penglibatan tenaga kerja wanita tempatan dalam pembangunan negara. Kajian-kajian wanita di Malaysia menunjukkan bahawa perkembangan sektor perindustrian menjadi pemangkin kepada penglibatan wanita tempatan dalam sektor formal (Suriati Ghazali 2002; Noor Aini Khalifah et.al 1996; Jamilah Ariffin 1994; Amriah Buang 1993; Fatimah Daud 1990; Hing 1984). Sektor industri telah membuka peluang pekerjaan secara besar-besaran kepada golongan

wanita⁶. Tawaran pekerjaan yang menarik, pelbagai inisiatif daripada majikan serta persekitaran pekerjaan yang selesa, telah menarik ramai golongan wanita berhijrah ke bandar-bandar atau ke kawasan zon perindustrian. Wanita yang dahulunya melakukan tugas-tugas rumahtangga dan dianggap sebagai tenaga buruh tradisional keluarga kini telah beralih keluar daripada kepompong pekerjaan rumah tangga dan mula memasuki pasaran ekonomi global (Suriati Ghazali 2002). Perkembangan sektor perindustrian telah menyebabkan bilangan wanita yang mencari pekerjaan untuk mendapatkan upah meningkat secara mutlak (Moha Asri Abdullah 2000a; Hasnah Ali 1996).

Di samping itu, peningkatan bidang pendidikan menjadi pelengkap kepada golongan wanita untuk menjadi lebih maju, berinovasi serta lebih aktif dalam kegiatan aktiviti ekonomi negara. Pendidikan adalah elemen penting bertindak sebagai kayu pengukur dalam tingkat pembangunan sesebuah negara⁷. Penglibatan golongan wanita dalam pendidikan turut memberi impak positif ke atas emansipasi golongan ini. Wanita kini tidak lagi terkongkong sebagai pembantu dalam ekonomi rumah tangga tetapi peranan wanita telah menjadi semakin pelbagai dan rumit. Sejak peralihan DEB, peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja di bandar meningkat sebanyak 132.0 peratus dan 114.8 peratus dalam tempoh 1970 -1980 dan

⁶ Impak globalisasi memainkan peranan penting dalam perkembangan industri negara. Penswastaan, galakan pembukaan zon perdagangan bebas serta pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan dalam usaha mengembangkan sektor perindustrian telah merangsang kemasukan syarikat-syarikat multinasional untuk melabur di Malaysia. Namun kesan perkembangan sektor industri pada awal dekad 1970-an dan 1980-an ke atas guna tenaga wanita menjadi perdebatan apabila golongan wanita dilihat hanya memenuhi ruang di sektor yang memerlukan skil yang rendah serta dibayar gaji yang rendah (Heyzer 1984). Elson & Pearson (1981) menegaskan bahawa eksploitasi ke atas guna tenaga wanita dikaitkan dengan sifat wanita yang secara tradisinya mempunyai jemari yang lembut.

⁷ Tingkat pencapaian pendidikan adalah merupakan salah satu indikator penting dalam pembangunan sumber manusia bagi sesebuah negara (Ghosh 1998).

1980-1991 (Moha Asri Abdullah 2000a). Menurut Moha Asri Abdullah (2000a), wanita menyumbang hampir 47 peratus daripada jumlah tenaga kerja negara atau mencecah separuh daripada jumlah tenaga kerja di negara ini.

Dampak transformasi ekonomi ke atas perubahan penglibatan dan kedudukan wanita dalam ekonomi adalah sangat ketara. Wanita terdorong untuk keluar bekerja disebabkan oleh tekanan ekonomi, keupayaan untuk bekerja meningkat, potensi upah yang tinggi, keadaan keluarga serta peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan (Nor Aini Hj Idris 2003; Suriati Ghazali 2002). Selain itu, perubahan nilai serta norma masyarakat turut merubah persepsi masyarakat terhadap golongan wanita yang bekerja. Kesanggupan wanita tempatan untuk bekerja bagi menampung perbelanjaan keluarga secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan tenaga kerja wanita asing pada masa kini.

Apabila golongan wanita memasuki pasaran buruh, lazimnya kerja-kerja domestik yang dikaitkan dengan wanita seperti tugas memasak dan menjaga anak dilihat semakin tersisih dalam kalangan wanita bekerjaya. Sebagai usaha mengimbangi tanggungjawab wanita di rumah dan peranan mereka dalam sektor ekonomi maka pengubahsuaian tugas dalam urusan domestik adalah merupakan suatu alternatif penyelesaian jangka masa pendek. Bagi menjamin kesejahteraan keluarga dalam kalangan wanita bekerjaya, trend terkini adalah pembahagian tugas yang secara tradisi dijalankan oleh wanita diagihkan kepada keluarga, pusat-pusat asuhan dan pembantu rumah bagi urusan mengasuh, mendidik dan mengurus rumahtangga. Arus pemodenan dan kemajuan menyaksikan pengurusan rumahtangga semakin diambil alih oleh pembantu rumah dan pusat-pusat asuhan. Sehubungan itu,

implikasi penglibatan dan peningkatan wanita tempatan dalam pasaran ekonomi adalah pembukaan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja wanita asing bagi mengisi peluang pekerjaan dalam sektor pembantu rumah. Tenaga kerja wanita asing dalam sektor ini merupakan satu keperluan bagi memastikan kesinambungan penglibatan wanita tempatan dalam sektor ekonomi. Justeru, penglibatan aktif wanita tempatan dalam ekonomi telah membuka laluan atau menjadikan sektor pembantu rumah sebagai salah satu pintu masuk utama migran wanita menceburi kegiatan ekonomi di negara ini.

1.1.4 Keperluan tenaga kerja asing

Tidak dapat dinafikan kesanggupan pekerja asing merentas sempadan dan lautan disebabkan oleh peluang ekonomi yang lebih baik di negara ini. Abdul Samad Hadi (2000) menyatakan kesanggupan pekerja merentasi sempadan antarabangsa adalah kerana tekanan kehampaan untuk memperolehi pekerjaan di negara sendiri. Apabila sorotan emperikal tentang motivasi pekerja asing yang datang bekerja di Malaysia, kenyataannya adalah kedatangan mereka didorong oleh perkiraan ekonomi seperti ketidaksamaan pembangunan ekonomi antara negara ini dan negara asal, perbezaan tingkat upah pekerja, mencari pekerjaan, mempunyai keluarga dan lain-lain faktor sebagaimana yang diserlahkan oleh teori ekonomi neoklasik (Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif 2008; Rusdi Omar & Malike Ibrahim 2005). Kurus (2004) pula menyatakan antara alasan lain yang mendorong penghijrahan adalah andaian migran mengenai keadaan pekerjaan yang kondusif dan peluang pekerjaan yang mudah diperolehi di seluruh Malaysia merupakan motivasi utama para migran untuk melakukan penghijrahan.

Secara umumnya, Ramasamy (2004) mengatakan bahawa pekerja asing menyumbang 23 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia yang sebahagian besarnya berasal dari Indonesia dan Filipina. Pada tahun 2008, laporan yang disiarkan oleh akhbar tempatan menyatakan bahawa hampir 20 peratus tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada warga asing dan hampir separuh daripada 252,600 pekerjaan yang diwujudkan di negara ini setiap tahun diisi oleh pekerja asing. Pada bulan Jun 2007, jumlah pekerja asing yang berdaftar di Malaysia mencecah hampir dua juta orang (Che Hashim Hassan 2009). Statistik ini jelas menunjukkan kebergantungan ekonomi negara kepada tenaga buruh asing adalah tinggi dan tidak dapat dinafikan tanpa sumbangan tenaga buruh asing, ekonomi negara berkemungkinan tidak dapat berkembang (Ramasamy 2004).

Jumlah sebenar pekerja asing di Malaysia adalah sukar ditentukan. Ini adalah kerana sebahagian besar tenaga kerja asing berada dalam kelompok pekerja asing tanpa izin (PATI). Sehingga bulan Ogos 2009 populasi pekerja asing yang sah bekerja di Malaysia adalah 1.9 juta⁸. Hakikat kepada permasalahan pekerja asing di negara ini adalah fenomena lambakan PATI. Senario kehadiran PATI dilihat tidak banyak berubah sejak tahun 1970-an. Pada awal tahun 1970-an, PATI hanya bertumpu ke kawasan perladangan dan pertanian di pedalaman khususnya di kawasan FELDA yang jauh daripada masyarakat setempat (Mohamed Salleh Lamry 2004; Azizah Kassim 1994; Devi 1988).

⁸ Menurut Datuk Ismail Abdul Rahim, Ketua Pengarah Buruh, jumlah ini dilihat menurun daripada jumlah 2.1 juta pada bulan Mei 2009 (Harian Metro, 29 Ogos 2009). Penurunan ini disebabkan oleh langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengetatkan pengambilan pekerja asing, memberi keutamaan kepada pekerja tempatan akibat kegawatan yang melanda pada akhir 2008. Namun, dalam laporan akhbar Utusan Malaysia (10 Februari 2010), melaporkan bahawa disebalik usaha kerajaan mengurangkan tenaga kerja asing, Menteri Sumber Manusia menyatakan dalam tempoh 5 bulan pertama 2010 seramai 100,000 orang pekerja asing telah dibenarkan masuk untuk bekerja di sektor-sektor yang memerlukan tenaga kerja.

Fenomena PATI bertumpu di kawasan pedalaman dan jauh daripada masyarakat setempat telah berubah. PATI kini bukan sahaja bertumpu ke kawasan perladangan dan pertanian yang terpencil tetapi telah mula menjangkau kawasan-kawasan bandar yang pesat dengan kawasan pembinaan (Nasution 2003). Pada tahun 2009, masalah PATI sekali lagi menjadi masalah national. Kehadiran mereka tidak pernah berhenti malah telah menunjukkan peningkatan sewaktu berlaku kegawatan ekonomi sekitar tahun 2008 dan 2009. Isu PATI tidak dapat ditangani berdasarkan pendekatan makro semata-mata. Ini jelas dalam tindakan-tindakan yang dilancarkan oleh pihak kerajaan seperti membenteras, menangkap, mengusir dan pelbagai program operasi pemutihan yang dilaksanakan tidak menunjukkan pengurangan jumlah PATI (Azizah Kassim 2006;1995).

Pekerja asing didapati telah terlibat dalam enam sektor pekerjaan di negara ini. Pekerja asing sama ada yang sah mahupun tidak sah status didapati masih menguasai sektor perladangan dan pertanian. Ini adalah kerana pendapatan yang diperolehi di kedua-dua sektor ini adalah tinggi iaitu sekitar RM800 sehingga RM1,500 sebulan. Peluang pekerjaan dalam sektor ini sebahagiannya adalah disediakan oleh sesetengah peneroka tempatan yang bertindak mengupah pekerja asing bagi menguruskan ladang-ladang mereka⁹. Selain itu laporan daripada industri pembinaan juga menyatakan tenaga asing menguasai 53 peratus daripada peluang pekerjaan yang sedia ada. Sektor pembantu rumah pula dikuasai hampir 100 peratus oleh pekerja asing (Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia 2008). Perangkaan ini menunjukkan kepentingan pekerja asing dalam sektor ekonomi negara. Penghijrahan

⁹ Ketua Pegawai Eksekutif Felcra berkata tindakan peneroka mengupah pekerja asing adalah satu kerugian bagi peserta rancangan Felcra kerana ia dilihat tersasar daripada konsep asal penubuhan Felcra iaitu mewujudkan kawasan ladang dengan menjadikan peneroka sebagai pekerja di setiap kawasan yang diberikan (Harian Metro, 14 Oktober 2009, hal. 23)

pekerja asing dan PATI tidak pernah berhenti sejak 1970-an. Ini menimbulkan pelbagai persoalan bagaimana pekerja asing berjaya melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi tempatan di sebalik peraturan dan polisi yang sedia ada.

Kedatangan pekerja asing ke Malaysia mengulangi hakikat sejarah negara. Sejarah membuktikan bahawa migrasi telah berlaku sejak abad ke 9 lagi (Tunku Shamsul Bahrin 1965; Ramsay 1956) dan berlangsung dengan lebih rancak sewaktu penjajahan British. Malah komposisi multietnik negara adalah legasi dan hegemoni penjajah di negara ini. Selepas kemerdekaan, undang-undang imigresen diwujudkan bagi menyaring kemasukan dan pekerja asing tidak dibenarkan bekerja tanpa melalui saluran yang sah. Persoalannya, sehingga hari ini, walaupun terdapat peraturan dan undang-undang, masih terdapat kebholan merentasi sempadan oleh pekerja asing. Dalam konteks ini, kebholan sempadan bukan disebabkan ketirisan undang-undang atau peraturan mahupun keporosan sempadan semata-mata. Hakikatnya, terdapat faktor-faktor sosial lain yang menyumbang dalam arus migrasi antarabangsa dan seterusnya membantu golongan migran memperolehi pekerjaan di negara ini.

1.1.5 Tenaga kerja asing dan sektor ekonomi

Hampir setiap sektor ekonomi negara mengalami masalah kekurangan tenaga kerja terutama pada dekad 1990-an. Selain majikan di sektor perladangan dan pertanian, majikan di sektor pembinaan dan perindustrian mula mendesak dan melobi kerajaan supaya mereka turut dibenarkan mengambil tenaga kerja asing bagi mengatasi masalah bekalan tenaga buruh tempatan yang ketat serta pada masa yang sama mengurangi masalah tenaga kerja tanpa dokumen yang telah pun berjaya

menerokai sektor-sektor tersebut. Sehingga tahun 2008, enam sektor utama telah dibenarkan mengambil tenaga kerja asing (Jadual 1.1) bagi mengisi ruang-ruang pekerjaan yang tidak mampu diisi oleh tenaga kerja tempatan.

Jadual 1.1 : Bilangan Pekerja Asing Mengikut Sektor, 2000 - 2008

SEKTOR	2000	2005	2008*
Pembuatan	307,167	581,379	751,500
Perladangan	200,474	427,415	349,319
Pertanian	-	44,831	183,881
Pembinaan	68,226	281,780	312,573
Perkhidmatan	53,683	159,662	211,870
Pembantu rumah	177,546	320,171	300,811
JUMLAH	807,096	1,815,238	2,109,954

Nota * - Perangkaan sehingga 31 Julai 2008

Sumber: Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia, (2008)

Jadual 1.1 menunjukkan peningkatan dalam pengambilan tenaga kerja asing dalam enam sektor penting negara pada tahun 2000, 2005 dan sehingga pertengahan 2008. Sehingga Julai 2008, semua sektor menunjukkan peningkatan ketara disebalik ura-ura kerajaan mengurangkan kebergantungan tenaga asing dalam usaha meningkatkan penggunaan automasi bagi mengurangkan keperluan tenaga manusia¹⁰. Selain itu juga, sumber-sumber negara yang membekalkan tenaga kerja terus meningkat melalui perjanjian MoU di antara pihak kerajaan dengan negara-negara pembekal tenaga kerja (Jadual 1.2).

¹⁰ Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing pada tahun 2002 (JKK-PA 2002) membuka negara sumber baru di ASEAN iaitu Laos, Vietnam, Filipina. (Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia, 2008:65-66).

Jadual 1.2 : Statistik Bulanan PL(KS) mengikut warganegara dan sektor daripada 1hb April 2006 sehingga 31hb Julai 2008 seluruh Malaysia.

Warga Negara	Pembantu Rumah	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Perladangan	Peranian	Jumlah
Indonesia	279,134	207,623	199,784	41,021	287,781	105,485	1,120,828
B'desh	21	64,069	172,154	29,031	31,246	18,633	315,154
Nepal	58	4,267	163,276	29,074	2,245	8,133	207,053
India	197	6,656	23,795	58,068	20,353	29,014	138,083
Myanmar	126	14,580	86,172	22,223	1,623	9,386	134,110
Vietnam	471	4,597	94,732	2,869	56	613	103,338
Filipina	10,972	1,897	2,778	4,122	4,434	2,902	27,105
Thailand	399	1,215	775	17,651	64	600	20,704
Pakistan	4	5,164	2,911	1,843	1,150	8,638	19,710
Kemboja	8,508	138	2,436	240	191	117	11,630
China	17	2,179	1,063	5,123	43	25	8,450
Sri Lanka	894	106	1,603	602	131	332	3,668
Laos	1	9	17	-	2	3	32
Uzbek	-	4	-	2	-	-	6
Lain-lain	9	69	4	1	-	-	83
Jumlah	300,811	312,573	751,500	211,870	349,319	183,881	2,109,954

Sumber : Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia, 2008.

Merujuk Jadual 1.2, tenaga kerja dari Indonesia telah mendominasi semua sektor-sektor utama pekerjaan dengan jumlah lebih daripada satu juta pekerja pada tahun 2008. Jelas daripada Jadual 1.2, sektor pembantu rumah merupakan salah satu sektor yang dikuasai oleh tenaga kerja dari Indonesia dan sektor ini merupakan penyerap tertinggi tenaga kerja wanita asing. Faizal Riduan (2009) menyatakan tenaga kerja wanita asing menguasai hampir 100 peratus sektor ini. Statistik juga menunjukkan bahawa sebanyak 14.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja asing di Malaysia adalah disumbangkan oleh sektor pembantu rumah. Sektor ini menduduki tempat keempat tertinggi daripada enam sektor yang menggajikan pekerja

asing dalam pasaran ekonomi Malaysia. Sehingga 31 Julai 2008, Indonesia mendominasi 92.8 peratus sektor pembantu rumah. Justeru, dapat disimpulkan bahawa sektor pembantu rumah merupakan salah satu sektor tidak formal yang menjadi sumber utama bagi tenaga kerja wanita Indonesia dalam menjana pendapatan di negara ini. Penguasaan wanita Indonesia di sektor tidak formal menjustifikasikan kenyataan Chen et. al. (2004) bahawa umumnya sektor tidak formal merupakan sumber pekerjaan utama bagi golongan wanita¹¹. Dominasi golongan migran wanita di sektor ini adalah berskil rendah dan tidak memerlukan tingkat pendidikan yang tinggi.

Dalam arus pemodenan dan kepesatan ekonomi Malaysia, adalah mustahil dalam masa terdekat golongan wanita tempatan akan mengurangkan penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi. Galakan serta pelbagai inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan menandakan aras penglibatan wanita tempatan dalam bidang ekonomi akan terus meningkat. Peningkatan berterusan golongan wanita dalam pasaran ekonomi, perubahan peranan keluarga¹² dan kekurangan prasarana pusat asuhan untuk memenuhi permintaan wanita bekerjaya memacu sektor pembantu rumah menjadi satu sektor penting kepada tenaga kerja asing dan permintaan terhadap perkhidmatan pembantu rumah akan terus melonjak. Selagi pihak kerajaan tidak memperbaiki dan meningkatkan prasarana yang kondusif bagi kemudahan ibu bekerja, maka sektor

¹¹ Statistik penglibatan wanita dalam sektor tidak formal di peringkat global menunjukkan 60 peratus atau lebih wanita terlibat dalam sektor tidak formal selain sektor pertanian di negara-negara membangun; Perangkaan di Asia menunjukkan keseimbangan di antara lelaki dan wanita terlibat dalam sektor tidak formal iaitu sebanyak 65 peratus (Chen et.al . 2004).

¹² Fatimah Abdullah (2000b) menyatakan bahawa struktur keluarga nuklear semakin berubah akibat daripada proses modenisasi. Menurut beliau, keluarga di bandar mempunyai hubungan sanak saudara yang berjauhan di antara satu sama lain kerana keadaan ekonomi atau kelas sosial yang berbeza atau sesetengahnya mahu tinggal dekat dengan tempat kerja. Keluarga nuklear mempunyai masa dan tenaga yang terhad untuk dihulurkan kepada orang lain.

pembantu rumah akan terus meniti arus perkembangan dan menjadi salah satu bidang kerjaya penting bagi tenaga kerja wanita asing terutama dari Indonesia.

Statistik pembantu rumah yang tinggi menyokong kenyataan bahawa tenaga kerja wanita asing atau golongan wanita migran secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Dengan jumlah tenaga kerja wanita yang berdaftar mencecah 300,811 orang, tenaga kerja wanita asing sememangnya berperanan membantu wanita tempatan untuk terus bergiat cergas dalam pasaran pekerjaan. Jumlah tenaga kerja migran wanita secara keseluruhannya dijangka lebih tinggi daripada jumlah statistik yang tertera dalam Jadual 1.2. Ini adalah kerana jumlah ini tidak termasuk migran wanita yang bekerja di sektor industri, sektor tidak formal lain, pembantu rumah tanpa izin¹³ serta PATI. Menurut Faizal Riduan (2009) terdapat kira-kira 150,000 sehingga 200,000 pembantu rumah yang masuk dan bekerja tanpa mengikut saluran yang sah. Statistik pembantu rumah tidak berdaftar ini menunjukkan bahawa migran wanita telah membolosi peraturan dan sempadan serta berjaya menempatkan diri mereka dalam lingkungan ekonomi yang selesa. Ini menimbulkan persoalan bagaimanakah mereka berjaya menembusi pasaran pekerjaan tempatan yang hakikatnya mempunyai kawalan undang - undang dan peraturan.

Rumusan daripada Jadual 1.2 menunjukkan sektor pembantu rumah merupakan salah satu sektor yang menyerap tenaga kerja wanita asing yang penting. Secara tidak langsung, ia menjelaskan bahawa tenaga kerja wanita asing turut terlibat

¹³ Menurut Faizal Riduan (2009) kira-kira 80 peratus daripada pembantu rumah berdaftar bekerja dengan majikan yang bukan beragama Islam. Selebihnya iaitu kira-kira 20 peratus bekerja dengan majikan Muslim. Sebahagian besar majikan beragama Islam mengambil pembantu rumah secara haram.

dalam pembangunan sektor ekonomi negara dengan cara membantu wanita tempatan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Kadar kebergantungan kepada pembantu rumah asing telah meningkat kepada lebih tiga kali ganda pada tahun 2008 iaitu seramai 300,811 berbanding hanya 94,192 pada tahun 1999 (Faizal Riduan 2009; Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia 2008).

Selain sektor pembantu rumah dan sektor industri, sektor perkhidmatan turut mengalami kekurangan tenaga kerja dan terpaksa bergantung kepada pekerja asing. Sektor perkhidmatan tidak menghasilkan barang tetapi dalam bentuk perkhidmatan yang membantu dan menyelaraskan kegiatan ekonomi di sektor pertama dan kedua sehingga ia akhirnya sampai ke pengguna (Chamhuri Siwar et.al 2005). Sektor perkhidmatan meliputi sektor lain selain sektor pembuatan, perlombongan dan pertanian. Ini bermakna sektor perkhidmatan termasuk sektor perdagangan, kewangan, pengangkutan, perhubungan, pentadbiran awam dan perkhidmatan lain seperti pendidikan, restoran, hotel dan perkhidmatan perseorangan.


Chamhuri Siwar et.al (2005) menyatakan pada tahun 2003 sektor ini menempatkan hampir separuh daripada tenaga buruh dalam pasaran ekonomi dan ini menjadikan sektor ini sebagai penyerap tenaga buruh yang terbesar¹⁴. Terdapat empat belas subsektor yang terletak di bawah sektor perkhidmatan iaitu restoran (tukang masak dan pekerja restoran), pembersihan, kargo, dobi, tukang gunting rambut, tukang emas, borong runcit, tekstil, spa/urut refleksologi, logam/barang lusuh/kitar

¹⁴ Kerajaan menasarkankan Malaysia akan menjadi sebuah negara pascaindustri selepas tahun 2020 iaitu sektor perkhidmatan akan melonjak berbanding dengan sektor lain (Nor Aini Hj Idris 2004).

semula, kedi, hotel, rumah kebajikan dan pulau peranginan. Daripada empat belas subsektor ini, hanya tiga subsektor yang melibatkan kerja-kerja 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*) iaitu pembersihan/pencucian, kargo dan logam/barang lusuh/kitar semula yang dibenarkan mengambil pekerja asing. Bagi subsektor lain, pertimbangan akan diberikan mengikut kemahiran khusus, kekerapan pertukaran pekerja tempatan yang tinggi dan bagi tujuan menggalakkan aktiviti pelancongan (Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia 2008).

Sektor tidak formal merupakan subsektor penting dalam sektor perkhidmatan. Peratus tinggi penglibatan tenaga buruh dalam subsektor perkhidmatan memperlihatkan kepentingan sektor ini dan sekaligus merupakan sektor penting yang menjadi tumpuan tenaga kerja asing terutama di bahagian subsektor pengguna. Sila rujuk Rajah 1.1.

Rajah 1.1 : Pembahagian Sektor Perkhidmatan



Sumber: Chamhuri Siwar et.al (2005).

Ruang dan peluang bagi tenaga kerja asing terletak di bahagian persendirian yang juga di bawah subpengguna. Bahagian ini merupakan bahagian yang menampung sebahagian besar tenaga kerja asing di negara ini. Tenaga kerja asing yang terlibat dalam sektor ini tidak memerlukan tingkat pendidikan serta kemahiran yang tinggi.

Semasa kajian dijalankan pada tahun 2011, kemelut PATI sekali lagi telah menarik perhatian negara. Pada bulan Ogos 2011, pihak kerajaan telah melancarkan satu program menyeluruh pekerja asing dan PATI yang dikenali sebagai Program 6P. Program 6P merangkumi pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran (Portal Berita KDN, 26 Jun 2011). Program ini dirangka bagi memantapkan pengurusan pekerja asing dan PATI dengan mendapatkan data serta biometrik mereka. Melalui sistem biometrik, maklumat lengkap PATI dan pekerja asing dapat diketahui dengan lebih tepat. Hasil program ini mendapati seramai 327,991 PATI bekerja dalam sektor pekerjaan yang tidak dibenarkan selain perkilangan, perladangan, pertanian, pembinaan dan lima belas sektor perkhidmatan¹⁵. Mereka didapati telah terlibat dalam sektor yang tidak dibenarkan di bawah dasar pengambilan pekerja asing iaitu perlombongan, bengkel kereta, menjadi nelayan, pengedar suratkhobar, cuci kenderaan, gerai dan restoran makanan segera. Majikan dalam sektor-sektor yang tidak dibenarkan telah mengesyorkan supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan mereka

¹⁵ Sektor yang tidak dibenar menggajikan pekerja asing adalah perlombongan, bengkel kereta, restoran makanan segera, menjadi nelayan, pengedar suratkhobar dan cuci kenderaan (Harian Metro, 21 September 2011). Pekerja asing yang terlibat sebagai pengawal keselamatan pula akan dikurangkan dan dijangka pada tahun 2012 mereka tidak lagi diterima di mana-mana syarikat kawalan keselamatan. Sebagai ganti, kerajaan akan menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bagi mengisi dan menampung kekosongan yang ditinggalkan oleh pekerja asing (Utusan Malaysia, 25 Mei 2010).

untuk mendaftar pekerja-pekerja tersebut. Dalam konteks ini, majikan telah memainkan peranan melobi pihak kerajaan supaya ruang dan peluang pekerjaan dibuka lebih luas kepada pekerja asing.

Hasil program 6P menunjukkan golongan PATI bukan sahaja terlibat dalam sektor yang tidak dibenarkan tetapi juga telah berjaya membina suatu ruang ekonomi tersendiri iaitu dengan menjadi majikan dan bekerja sendiri. Pada bulan Disember 2011, pihak kerajaan telah bersetuju supaya syarat proses pemutihan program 6P dilonggarkan dengan memberi kebenaran kepada sektor-sektor yang tidak tersenarai di bawah dasar pengambilan pekerja asing mengambil pekerja asing (Harian Metro, 28 Disember 2011).

Sehubungan itu, program pemutihan 6P yang dijalankan pada tahun 2011 telah membuka beberapa peluang pekerjaan di sektor luar dasar dan subsektor di bawah sektor perkhidmatan bagi pendaftaran pekerja asing yang terlibat secara tidak sah sebelumnya. Ini termasuk tukang daun terup, perlombongan/kuari, kayu bakau, gerai/kafe/kantin/katering, restoran makanan segera, pemotong rumput, pencuci rumah ke rumah, pencuci kenderaan dan bengkel kereta. Selain itu, sebelas subsektor yang turut diberi kelonggaran ialah barangan logam/lusuh/terpakai, pengendalian kargo, rumah kebajikan, spa/refleksiologi, kedi/padang golf, dobi, tukang gunting, tukang emas, perniagaan runcit/borong dan perniagaan tekstil. Tempoh pengajian pekerja asing dan PATI di sektor luar dasar dan subsektor ini dihadkan kepada dua tahun sahaja. Perlonggaran syarat pemutihan Program 6P tersebut secara tidak langsung telah melebarkan dan meluaskan nic ekonomi golongan migran di Malaysia. Selain sektor-sektor yang dibenarkan mengambil pekerja asing, mereka kini turut

terlibat dalam aktiviti pemasaran pelbagai peringkat atau MLM. Laporan akhbar menyatakan kira-kira 100,000 warga asing dari Indonesia, Pakistan, Vietnam, Myanmar dan Bangladesh terbabit dalam aktiviti MLM (Harian Metro, 30 Januari 2012). Kegiatan ini sukar dipantau kerana aktiviti MLM dijalankan secara tertutup dalam kalangan pekerja asing.

Kajian ini mendapati perluasan sektor pekerjaan yang dibenarkan masih terbatas kepada sektor tidak formal yang secara umumnya tidak memerlukan tingkat kemahiran yang tinggi. Memetik daripada sumber Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Resurreccion (2009) menyatakan pekerja yang terlibat dalam sektor tidak formal di rantau ASEAN mencecah hampir 63 peratus pada tahun 2006. Di Malaysia, statistik pekerja mahir menunjukkan penurunan daripada 9.4 peratus kepada 3 peratus dalam kalangan pekerja asing pada dekad 2000 (Mahadevan 2007). Justeru, sebahagian besar tenaga kerja asing di Malaysia terlibat dalam kegiatan ekonomi yang tidak memerlukan kepakaran atau kemahiran iaitu di sektor ekonomi tidak formal. Mengenai penglibatan wanita migran, Chen et.al. (2004) menyatakan sektor tidak formal merupakan sumber pekerjaan utama bagi golongan wanita berbanding golongan lelaki di negara-negara membangun.

Alasan utama penglibatan tenaga kerja asing dalam sektor tidak formal ialah bentuk pekerjaan yang tidak menyenangkan, pendapatan kecil serta tidak menarik perhatian atau minat penduduk tempatan. Peningkatan taraf hidup serta pendidikan yang lebih baik merupakan alasan pekerja tempatan tidak lagi berminat melakukan pekerjaan dalam kategori 3D. Kekosongan pekerjaan di sektor